

# Laporan ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR **AKNC**





# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2023

FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI  
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

---

**KETUA PTJ :**

RAJA MOHAMMED FIRHAD BIN RAJA AZIDIN

**KETUA UNIT KUALITI :**

SITI FADHILAH BINTI ABDUL HAMID

**PENYELARAS :**

SITI FADHILAH BINTI ABDUL HAMID

**PENULIS :**

1. MOHD AZFAR SYUKRI BIN YUSIEN
2. RAZALI BIN MOHAMED SALLEH @ ZAINAL
3. NUR-HASANAH BINTI RUSLAN
4. SITI ZULAIHA BINTI KHASBULLAH
5. SITI FADHILAH BINTI ABDUL HAMID
6. SITI SORAYA BINTI MOHD ELIAS
7. NORAINI BINTI MANSOR

8. ANG GEIK YONG
9. CASSENDRA ANAK GILBERT
10. MAISARAH BINTI SHARI
11. RADIN RAFEEUDDIN BIN RADIN DZULFAKAR
12. MOHD HAIDIR BIN MOHD YUSOF
13. MOHAMAD SYAFIK BIN BAHARUDDIN
14. HASYYATI HUSNA BINTI DZOOLKARNAIN
15. MUHAMMAD FARID HILMI BIN AIDIT
16. ZARINA BINTI ZAINAL ABIDIN
17. MUHAMMAD BIN HAMDAN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) dipimpin oleh Dekan dan dibantu oleh Timbalan Dekan, Timbalan Pendaftar Kanan serta Ketua-ketua Pusat Pengajian (Rajah 1.1). Berteraskan bidang Sains Sukan, Pengurusan Sukan dan Rekreasi, FSR telah mencapai keutuhan dan kemantapan dalam merealisasikan visi, misi dan nilai yang telah ditetapkan. Sepanjang tahun 2018 hingga 2023, fakulti telah melakukan beberapa perubahan visi, misi dan objektif bagi memastikan ianya selari dengan keperluan semasa dan memenuhi matlamat universiti.

Terdapat lima kampus pengajian di bawah pentadbiran FSR iaitu Kampus Shah Alam sebagai kampus induk, Kampus Seremban 3, Kampus Jengka, Kampus Arau dan Kampus Samaraham. Kampus Pengajian selain Kampus Shah Alam diketuai oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan dibantu oleh Koordinator Program.

## **1.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Fakulti ini mengekalkan kekuatannya sebagai fakulti profesional yang sangat menitikberatkan profesionalisma dalam aspek pengurusan dalaman, hal ehwal akademik dan hal ehwal pelajar melalui lima pusat pengajian. FSR meningkatkan kemajuan akademik dalam usaha mencapai kecemerlangan pendidikan yang bertaraf dunia. FSR bertanggungjawab terhadap pelaksanaan, pengurusan dan pentadbiran pusat pengajian bagi mengurus dan menyediakan sumber-sumber utama serta sokongan bagi melancarkan aktiviti teras pendidikan. Kuasa diberikan oleh Dekan kepada Ketua Pusat Pengajian (KPP) untuk menggerakkan bidang tumpuan utama. Peranan dan tanggungjawab pengurusan tertinggi adalah diketuai oleh KPP dan Koordinator-koordinator Program serta staf-staf pentadbiran dan teknikal. KPP mengendalikan hal ehwal pengurusan di peringkat fakulti manakala hal ehwal akademik dibincangkan dalam Jawatankuasa Akademik Siswazah Fakulti (JKAPS) dan disahkan oleh Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF).

Dalam menggerakkan bidang tumpuan FSR, pelan perancangan secara amnya adalah berteraskan visi, misi dan falsafah pendidikan UiTM.

Strategi pengukuhan bagi memastikan kemampunan FSR direalisasikan melalui tiga kaedah utama iaitu pemerkasaan terhadap perkara-perkara berikut:

- a) Pengurusan Atasan FSR
- b) Hal Ehwal Akademik
- c) Hal Ehwal Pelajar

Ketiga-tiga kepimpinan ini saling berhubung di antara satu sama lain sebagai mekanisma yang menjana kecemerlangan pelajar FSR.

Dalam menentukan kecemerlangan para pelajar FSR, beberapa inisiatif strategik yang memfokuskan pembangunan pelajar diberikan penekanan. Jadual 1.1 (Bukti 3) menunjukkan inisiatif- inisiatif strategik yang digariskan selaras dengan matlamat mencapai kecemerlangan pelajar serta memantapkan fakulti secara keseluruhan.

Di samping itu, untuk mencapai kecemerlangan akademik dan mampu berdaya saing di peringkat kebangsaan dan global, hubungan di antara FSR dengan pemegang taruh amat diberi perhatian. Pelbagai inisiatif telah dirangka oleh Koordinator Perancangan Strategik Fakulti untuk memenuhi aspirasi dan petunjuk prestasi utama UiTM.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_K01\\_KB02\\_20231\\_1 okt 2022 \(1\).pdf](#)
2. [F0047\\_K01\\_KB02\\_20234\\_Objective Kualiti.pdf](#)
3. [F0047\\_K01\\_KB02\\_20233\\_inisiatif HEA.pdf](#)

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Tadbir urus FSR yang sistematik diterajui oleh Dekan selaku ketua pentadbiran yang akan memastikan perancangan halatuju fakulti dicapai seiring dengan matlamat penubuhannya. Beliau dibantu oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar yang membantu mentadbir pengurusan hal-hal akademik dan kesejahteraan pelajar. Lantikan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri pula seiring dengan halatuju fakulti ke arah mengalakkan budaya penyelidikan dan inovasi di antara kakitangan fakulti, penglibatan industri luar dan alumni untuk meningkatkan profesionalisma dan kualiti pensyarah. Perancangan dan pengurusan FSR adalah berteraskan integriti dan akauntabiliti dalam sistem pentadbirannya.

FSR beroperasi di Bangunan Akademik 3, Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Profil sumber tenaga kerja amat penting dalam melaksanakan tanggungjawab bagi mencapai objektif FSR dan menambahbaik pelaksanaan program prasiswazah. Sumber tenaga kerja FSR adalah terdiri daripada pensyarah, staf sokongan pentadbiran dan staf sokongan teknikal. Jadual 1.2 (Bukti 2) menunjukkan statistik sumber tenaga kerja FSR bagi tahun 2021 hingga 2025.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_K01\\_KB03\\_20231\\_bahagian\\_3\\_- tadbir\\_urus\\_akademik\\_2019\\_f.pdf](#)
2. [F0047\\_K01\\_KB03\\_20232\\_Jadual 1.2 - Bilangan staf FSR mengikut gred dan Jadual 1.2 -Taburan staf akademik mengikut kelulusan.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepimpinan FSR menggunakan pendekatan yang memberi penekanan kepada nilai dan keseimbangan dalam memenuhi jangkaan dan harapan pelajar dengan pemegang amanah FSR. Fokus ini disokong penuh oleh kepimpinan tertinggi sehingga ke akar umbi di peringkat staf pengurusan, akademik, pentadbiran dan pelajar.

Visi dan nilai FSR disampaikan kepada pelajar melalui Jawatankuasa Akademik FSR di mana pelajar baru dimaklumkan berkenaan peraturan dan aspirasi universiti dalam program Minggu Haluan Siswa dibantu oleh Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) dan persatuan-persatuan pelajar daripada setiap pusat pengajian. Hal ini mengambilkira pandangan pelajar dan membuka ruang penambahbaikan melalui taklimat pelajar dan sistem maklum balas SUFO.

Dalam memastikan kelestarian tadbir urus FSR, Unit Kualiti FSR, melalui unit audit dalaman dan penurunan kuasa secara berjadual dilaksanakan bagi memastikan visi dan misi yang dibangunkan tercapai. Pemantauan dan koordinasi dilakukan melalui mesyuarat berkala yang diadakan seperti mesyuarat pengurusan yang dipengerusikan oleh Dekan.

Proses audit dalaman akan memastikan aspek akademik menepati kehendak Badan- Badan Akreditasi program dan MQA untuk memenuhi piawai penyediaan dokumen seperti jadual syarahan, portfolio pengajaran, kertas peperiksaan, memastikan fasiliti ruang dan peralatan dalam keadaan baik dan diselenggara untuk memastikan pelajar dapat belajar dalam suasana kondusif. Perkara ini meningkatkan kualiti pembelajaran agar dapat mencapai peratusan CGPA yang terbaik dan tamat pengajian menepati masa. Untuk mengekalkan kecemerlangan dan kredibiliti, fakulti ini mengadakan kerjasama strategik dan jaringan hubungan secara profesional dengan peringkat antarabangsa yang didokong oleh professor, para akademik staf dan sarjana.

Dalam memenuhi dasar FSR iaitu menyediakan dan mengendalikan program pengajian Sains Sukan, Pengurusan Sukan dan Rekreasi yang berkualiti, FSR membangunkan kemahiran kepimpinan melalui perlantikan Ketua Pusat Pengajaran, Koordinator, Penasihat Akademik, Jawatankuasa Kualiti, Jawatankuasa Audit, dan lain-lain. Melalui penglibatan ini pengurusan juga dapat mengenalpasti bakat tokoh-tokoh kepimpinan dalam kalangan warga FSR.

### **SENARAI BUKTI:**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Risiko adalah kesan ketidakpastian terhadap keupayaan institusi untuk memenuhi objektifnya dan setiap aktiviti akan mempunyai risiko yang berkaitan. Di dalam usaha FSR menyokong aspirasi UiTM, FSR seperti yang dinyatakan di dalam kenyataan korporat (visi, misi dan objektif) dan falsafah pendidikan UiTM, terdapat pelbagai risiko yang terlibat. Risiko-risiko ini perlu dikenalpasti dan diuruskan bagi memastikan teras aktiviti FSR dapat berjalan lancar.

FSR melihat risiko juga daripada aspek faedah yang boleh memberi potensi kepada peluang-peluang baru.

Pengurusan risiko di peringkat FSR dilaksanakan untuk memastikan bahawa jika terdapat suatu tindakan atau keadaan yang dapat menghalang pusat pengajian daripada memenuhi objektifnya. Strategi dan pendekatan pengurangan risiko telah disediakan untuk mengurangkan atau memantau risiko-risiko yang telah dikenalpasti

Risiko dikenalpasti dengan tujuan mentakrifkan objektif bagi menentukan penanda aras yang perlu dicapai oleh FSR (seperti objektif kualiti FSR dan perancangan strategi fakulti) dan kemudian mengenal pasti sebarang ancaman / bidang ketidakpastian berkaitan dengan mencapai matlamat ini. Penilaian risiko kemudiannya dilakukan pada setiap risiko untuk memastikan tindakan (respons) yang diperlukan. Ini kemudian akan dilaporkan (kepada kumpulan / jawatankuasa yang berkenaan) dan dikaji semula. Jadual 1.3 menunjukkan rangka pengurusan risiko di peringkat FSR.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Secara amnya, pemantauan dan penilaian kualiti di FSR turut mengambil kira konteks perundangan, peraturan dan akreditasi. Pihak pengurusan tertinggi FSR mempunyai strategi yang efektif dan komprehensif dalam menawarkan perkhidmatan yang berkualiti agar dapat melindungi kumpulan sasarannya, iaitu pengurusan akademik, kakitangan, pihak berkepentingan dan pelajar. Namun, tumpuan yang lebih kolektif di beri kepada pelajar yang menjadi pelanggan utama FSR.

Pemantauan kualiti kakitangan dilihat sebagai satu proses yang penting kerana keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat mempengaruhi kualiti pelajar dalam bidang akademik dan insaniah. Pada masa yang sama kualiti program, operasi dan penawaran perkhidmatan turut dinilai. Pemantauan dalam kualiti perkhidmatan oleh kakitangan kepada pelajar boleh dilihat dalam Jadual 1.4 (Bukti 3 dan 4).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20231\\_CDL CQI - SR - 20224 - Petikan Minit.pdf](#)
2. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20232\\_CDL CQI - SR - 20222 - Petikan Minit.pdf](#)
3. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20233\\_SuFO - SR - Combined.pdf](#)
4. [F0047\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20234\\_PRO-PENS - COMBINED.pdf](#)
- 5.

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Kuasa telah diberikan oleh Dekan kepada Ketua Program Pengajian (KPP) untuk mengerakkan bidang tumpuan pilihan. Peranan dan tanggungjawab pengurusan tertinggi adalah diketuai oleh KPP dan Koordinator Program serta staf pentadbiran. Sebarang keputusan dimuktamadkan oleh ahli JAF (Jawatankuasa Akademik Fakulti) yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan, KPP dan Koordinator Program bagi memastikan kejayaan dan mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif.

Selain itu, JAF adalah bertanggungjawab dalam hal ehwal akademik bagi program diploma dan ijazah sarjana muda. Ahli JAF memastikan Peraturan Akademik sentiasa dipatuhi serta kecemerlangan dan ketinggian mutu akademik fakulti sentiasa dikekalkan. Di peringkat fakulti, jawatankuasa-jawatankuasa utama ditubuhkan bagi melancarkan bidang tumpuan.

Jawatankuasa ini diketuai oleh Koordinator Program dan dianggotai oleh wakil daripada pusat-pusat pengajian FSR yang lain.

Jawatankuasa yang ditubuhkan ialah:

- (a) AJK Seminar/Bengkel/Kolokium FSR
- (b) Koordinator Misi Akademik FSR
- (c) AJK Akreditasi/OBE/Audit/MQA FSR
- (d) AJKPeperiksaan (Operasi) dan Penerbitan/Geran/Sumber Kewangan FSR
- (f) Penyelaras Jadual Waktu (Kertas Soalan) FSR

### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **2.1 Objektif dan Inisiatif Strategik dalam Perancangan Strategik Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (2021-2025) yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan bidang Pengajaran dan Pembelajaran.**

Objektif dan inisiatif strategik FSR adalah untuk memastikan hala tuju fakulti seiring dengan Rancangan Strategik Rancangan Malaysia Ke-12 UiTM (2021-2025) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2016-2025. Ini bererti perancangan strategik FSR adalah mengikut kerangka Perancangan Strategik UiTM 2021-2025, manakala perancangan strategik serta inisiatif strategik pusat-pusat pengajian di FSR pula adalah mengikut kerangka perancangan strategik FSR. Objektif, strategi dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ada dalam panduan Buku Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK 12) UiTM dijadikan sebagai bahan rujukan utama. Dengan ini, perancangan strategik FSR dan pusat-pusat pengajiannya adalah selaras dengan perancangan strategik UiTM.

Pada dasarnya, pelan tindakan strategik dalam pengajaran dan pembelajaran (PDP) di FSR berpandukan kepada petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Bagi tahun 2022, BTU telah menetapkan 16 PI dalam bidang PDP kepada FSR untuk dicapai. Antara PI tersebut adalah berkaitan pembangunan program berimpak tinggi, program pertukaran pelajaran antarabangsa, enrolmen pasca-siswazah tempatan dan antarabangsa, pelajar bergraduan mengikut tempoh (GOT) dan aktiviti kolaborasi antarabangsa. Bagi memenuhi sasaran PI tersebut, pelan tindakan telah dirancang dan disusun oleh pihak pengurusan FSR secara berkala sepanjang tahun.

Bagi mencapai setiap PI, projek khusus telah dirangka untuk perlaksanaan dan pencapaiannya. Kesemua projek berkaitan PDP diketuai oleh Timbalan Dekan Akademik (TDA) manakala Dekan adalah selaku peneraju. Kemajuan pelaksanaan setiap projek atau aktiviti dilapor dan dibentang oleh TDA di dalam mesyuarat pelaporan kemajuan PI setiap bulan. Permasalahan dan pelaporan risiko serta tindakan mitigasi juga dinyatakan dan dibincang dalam mesyuarat tersebut.

Secara keseluruhannya, pencapaian 16 PI PDP FSR bagi tahun 2022 adalah 36.3% disebabkan oleh beberapa PI yang ditetapkan oleh pihak BTU tidak dapat dicapai oleh FSR. Beberapa faktor penyumbang kepada ketidakcapaian PI-PI tertentu, di antaranya dan yang paling utama adalah faktor kewangan, sebagai contoh pembangunan program berTVET memerlukan peruntukan yang tinggi. Namun PI PDP yang lebih teras seperti GOT, enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa dan jalinan kerjasama antarabangsa melalui MOU/MOA mencatatkan keputusan yang baik dan cemerlang.

## **2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Hasil daripada bengkel perancangan strategik FSR 2022 di Dewan Meranti Grill, Hotel UiTM Shah Alam pada 26 dan 27 Januari 2022, dokumen perancangan strategik FSR 2022 telah disediakan. Secara keseluruhan, bengkel selama 2 hari telah mencapai kata sepakat dalam merancang strategik berdasarkan Performance Indicator (PI) FSR yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi UiTM (BTU). Tiga (3) teras strategik sokongan universiti diselaraskan bersama inisiatif diperingkat fakulti. Teras-teras strategik tersebut adalah seperti berikut:

1. Teras 1 – Pendidikan Berkualiti
2. Teras 2 – Kecemerlangan Global
3. Teras 3. – Prestasi Berorientasikan Nilai

*(Bukti 1)*

Melalui penetapan teras-teras ini, Mesyuarat Perancangan Strategik FSR telah menggariskan beberapa program yang terdiri daripada projek-projek yang akan mendukung usaha merealisasikan sasaran hala tuju strategik iaitu menjadikan UiTM sebagai Universiti Tersohor.

FSR telah memilih Pengajaran dan Pembelajaran sebagai bidang tumpuan dan memberi tumpuan khas kepada Pengajaran dan Pembelajaran di peringkat ijazah sarjana muda dan diploma di dalam pelaporan AKNC 2022 kerana penglibatan serta pencapaian fakulti yang membanggakan sama ada diperingkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Sasaran kepada petunjuk prestasi utama 2021 seperti yang telah digariskan oleh Dato' Naib Canselor yang memberi tumpuan khusus kepada lima inisiatif utama iaitu aksesibiliti, graduan dinamik dan pendidikan tinggi berkualiti juga turut diambil kira dalam rangka perancangan strategik FSR.

### **2.2 Objektif dan Inisiatif Strategik dalam Menyokong KPI Universiti (2016-2025)**

Berdasarkan buku Perancangan Strategik RMKe-12 UiTM, aspek Pengajaran dan Pembelajaran adalah teras terpenting dan difokuskan secara menyeluruh dalam ketiga-tiga teras yang disenaraikan. Sebelas (11) agenda utama UiTM adalah seperti Rajah 2.2.

*(Bukti 2)*

Untuk itu, FSR telah mensasarkan kecemerlangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran prasiswazah bukan hanya diperingkat kebangsaan tetapi juga di peringkat global. Bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran berkualiti, inisiatif strategik pengajaran dan pembelajaran bukan hanya merangkumi Teras 1 dalam perancangan strategik UiTM tetapi juga teras-teras lain. Jadual 2.1 menunjukkan Pelan Perancangan Strategik FSR 2016-2025 yang berkait rapat dengan bidang Pengajaran dan Pembelajaran program pengajian prasiswazah. Melalui inisiatif- inisiatif ini, program pengajaran dan pembelajaran di peringkat fakulti khususnya prasiswazah dapat diperhalusi dengan mengambil kira penglibatan staf dan pelajar dalam setiap inisiatif-inisiatif yang disenaraikan.

Selain itu, pelan tindakan strategik (SAP) dirangka berdasarkan PI. Terdapat 16 SAP berkaitan PDP di FSR mengikut 16 PI yang telah ditetapkan oleh pihak BTU (Bukti 3). Maka adalah menjadi tanggungjawab TDA dan pengurusan akademik memastikan berlaku pelaksanaan SAP PDP ini. Bagi memastikan pelaksanaan ini menjadi lebih berkesan, penglibatan semua staf akademik dan pentadbiran FSR diperlukan. Justeru, pemakluman kepada semua warga berkenaan hala tuju FSR telah dilakukan melalui program Amanat Dekan 2022 di awal tahun (Bukti 4). Dalam program sehari ini, TDA diberi ruang untuk menyampaikan maklumat berkenaan SAP dan hala tuju PDP kepada semua staf.

Mesyuarat pelaporan PI dan kemajuan SAP PDP dilakukan secara berkala (setiap bulan) bagi memastikan setiap hala tuju yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan berkesan (Bukti 5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_P01\\_PB02\\_20231\\_Teras Utama Inisiatif 2022.pdf](#)
2. [F0047\\_P01\\_PB02\\_20232\\_agenda Utama.pdf](#)
3. [F0047\\_P01\\_PB02\\_20233\\_PERANCANGAN STRATEGIK FSR 2022.pdf](#)
4. [F0047\\_P01\\_PB02\\_20234\\_AKNC 2023\\_amatan dekan 2022.pdf](#)
5. [F0047\\_P01\\_PB02\\_20235\\_Perbincangan KPI FSR @ Thu Sep 1, 2022 10am - 11am \(MYT\).pdf](#)
6. [F0047\\_P01\\_PB02\\_20232\\_agenda Utama.pdf](#)
7. [F0047\\_P01\\_PB02\\_20231\\_Teras Utama Inisiatif 2022.pdf](#)
8. [F0047\\_P01\\_PB02\\_20232\\_agenda Utama.pdf](#)

## **2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

### **2.3 Perluasan Pelaksanaan Inisiatif Strategik PDP**

Pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik PDP dijalankan melalui pelbagai program sepanjang tahun. Selain dari program Amanat Dekan, TDA dan pengurusan akademik FSR juga melaksanakan pelbagai program bagi memastikan penglibatan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam menjayakan hala tuju PDP ini. Antara program-program tersebut adalah sesi taklimat mahasiswa baharu, mesyuarat staf akademik, taklimat jadual waktu kuliah, bengkel penilaian dan pensejajaran kursus, bengkel pengemaskinian program akademik, mesyuarat akreditasi program, bengkel bank soalan dan lain-lain (Bukti 1).

Struktur organisasi pengurusan dan pentadbiran akademik yang teratur memudahkan lagi proses perluasan initiatif strategik PDP.

Peluasan maklumat dan aktiviti berkaitan PDP dikongsi di emel rasmi UiTM. Selain itu, penggunaan aplikasi media sosial seperti Whatsapp and Telegram juga berperanan penting dalam penyebaran maklumat dan pelaksanaan aktiviti berkaitan PDP, sebagai contoh kumpulan Akademik FSR dalam aplikasi Whatsapp (Bukti 2). Setiap aktiviti yang dijalankan akan dikongsi di dalam kumpulan media sosial ini. Malah, setiap aktiviti yang dijalankan mempunyai kumpulan tersendiri dalam aplikasi media sosial tersebut. Ini amat memudahkan bukan sahaja bagi penyampaian maklumat dan pelaksanaan aktiviti, tetapi juga memudahkan proses pemantauan aktiviti. Ini juga dapat mendorong ahli-ahli kumpulan untuk terlibat sama dalam setiap aktiviti tanpa rasa terpinggir.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_P01\\_PB03\\_20231\\_Jadual 2.2 - Senarai Bengkel.pdf](#)
2. [F0047\\_P01\\_PB03\\_20232\\_WA akademik FSR.pdf](#)
3. [F0047\\_P01\\_PB03\\_20233\\_WA akademik FSR.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Dalam menjayakan pelaksanaan Perancangan Strategik bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran dengan berkesan, FSR telah mengaplikasikan pelan pemantauan berdasarkan model IAOOI (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impacts) dan PDCA (Plan, Do, Check, Action). Pelan pemantauan ini juga telah digunakan oleh semua bahagian di FSR terutamanya dalam mengurus dan melaksanakan projek-projek Pengajaran dan Pembelajaran. FSR 2022. Kaedah ADLI (Approach, Deploy, Learning, Integration) juga telah digunakan di dalam melaksanakan pelan Kualiti FSR 2022.

Melalui mesyuarat pengurusan fakulti, mesyuarat pusat-pusat pengajian dan Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Jawatankuasa Audit Kualiti. Antara perkara yang di pantau dalam mesyuarat-mesyuarat ini ialah:

- a. Laporan kemajuan KPI yang telah dicapai oleh setiap pusat pengajian bagi tujuan pelaporan melalui UePMO (Jadual 2.2) kepada Pusat Perancangan Strategik dan Maklumat (CSPI).
- b. Laporan mencapaian KPI fakulti melalui UePMO bagi setiap tiga bulan kepada Pengurusan Fakulti (Dekan, Timbalan Dekan dan Ketua Pusat Pengajian).

Sistem Pemantauan UePMO dan pelantikan DPMO yang diperkenalkan oleh Pusat Perancangan Strategik UiTM juga membantu perjalanan pelan tindakan tersebut. Ia dipertahankan melalui Mesyuarat Ketua-ketua Program, Mesyuarat Kordinator- kordinator Fakulti dan Laporan Berkala Jawatankuasa Fakulti selain perbincangan secara impromptu oleh Dekan dan Timbalan-timbalan Dekan bersama Koordinator Perancangan Strategik.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20231\\_Jadual 2.3 Kualiti.pdf](#)

## **2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

### **2.4 Penglibatan Kumpulan Sasar dalam Proses Perancangan dan Penambahbaikan**

Proses penambahbaikan teras Pengajaran dan Pembelajaran turut melibatkan kumpulan sasar iaitu staff akademik dan pelajar. Proses perancangan penambahbaikan ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu Pengajaran dan Pembelajaran dan infrastruktur. Penampaikan dari segi Pengajaran dan Pembelajaran dapat dilihat secara langsung melalui audit fail kursus staf akademik. Cadangan penambahbaikan daripada staff akademik dizahirkan dalam CQI bagi kursus yang telah diajar manakala maklumbalas daripada pelajar berdasarkan SUFO.

Dalam usaha memantapkan Pengajaran dan Pembelajaran, FSR telah mengadakan program seperti bengkel, perjumpaan antara pihak pengurusan FSR dengan staf dan juga pelajar. Maklumbalas peserta (staf dan juga pelajar) mengenai program yang telah dijalankan, dikumpul dan dianalisa untuk penambahbaikan sekiranya perlu. Selain itu, terdapat juga perjumpaan mengikut bidang yang diketuai oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) di mana cadangan untuk penambahbaikan akan diajukan kepada KPP masing-masing. Segala perancangan untuk penambahbaikan FSR dibincangkan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

Pelajar yang juga merupakan kumpulan sasar boleh mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada FSR melalui medium seperti Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, QR code e-aduan seperti di laman sesawang FSR (rujuk Rajah 2.3) melalui emel dan juga secara terus kepada pengurusan FSR.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20231\\_QR code e-aduan .pdf](#)

## **2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

### **2.4.1 Inisiatif Staf/Penyelia/Penashihat Akademik/Penashihat Projek**

Kebanyakan pensyarah FSR terdiri daripada ahli profesional yang arif dengan kehendak dan peluang dalam industri, maka tidak sukar bagi fakulti untuk melibatkan mereka dalam proses perancangan dan penambahbaikan. Staf FSR dan industri mempunyai hubungan yang dinamik. Oleh itu, kebanyakan inisiatif pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan dan disertai adalah melalui inisiatif pensyarah itu sendiri. Inisiatif yang dimainkan oleh pensyarah FSR dalam menghasilkan kualiti pengajaran dan penyelidikan yang baik adalah hasil hubungan yang dinamik antara warga akademik FSR dan pelajar serta industri. Dengan ini, kehendak industri dan kurikulum akademik FSR dapat diselarikan dan dioptimumkan bagi melahirkan graduan yang ideal. Kesemua pusat pengajian di FSR berlumba-lumba untuk mengetengahkan bakat dan kebijaksanaan pelajar masing -masing.

### **2.4.2 Inisiatif Fakulti**

Selain inisiatif staf secara individu dalam kalangan staf akademik, pihak pengurusan FSR yang diketuai oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik (TDA) bersama Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (TDPJI) sentiasa mencari peluang untuk mewujudkan kerjasama dengan organisasi luar didalam memperluaskan pengetahuan dan kemahiran pelajar-pelajar FSR. Mereka akan memastikan staf yang layak dan mempunyai kelulusan akademik yang tinggi dan kepakaran dalam bidang-bidang pengajian ijazah dan diploma tertentu untuk mengajar pelajar di peringkat ini.

Mutu program-program pengajian yang ditawarkan di FSR dikawal dengan rapi dengan pengiktirafan badan-badan professional dalam dan luar negara seperti Malaysian Qualifications Agency (MQA), Exercise is Medicine Campus American College of Sports Medicine, dan Asia Pacific Institute for Events Management (Rajah 2.4). Pengiktirafan-pengiktirafan ini menjadi manifestasi komitmen FSR terhadap kecemerlangan dan usaha-usaha penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di FSR.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [E0047\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20231\\_Badan badan profesional .pdf](#)

## **2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

### **2.5 Risiko terhadap Pelaksanaan atau Kejayaan Pencapaian Objektif dan Inisiatif Strategik**

Pelaksanaan Inisiatif Strategik dan Kejayaan Pencapaian Objektif mungkin terancam risiko-risiko yang dikenal-pasti melalui analisis *Strength, Weaknesses, Opportunities, and Threats (SWOT)*. Antara risiko yang dikenal pasti yang mungkin melumpuhkan usaha-usaha fakulti memantapkan agenda pengajaran dan pembelajaran FSR adalah seperti yang berikut:

1. Risiko Pemotongan bajet
2. Ketidakstabilan ekonomi negara
3. Kekurangan sumber manusia

#### *2.5.1 Risiko Kewangan – Pemotongan Bajet*

Kebanyakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan sumber kewangan dan tenaga kerja yang ramai. Walaupun pihak pengurusan FSR sentiasa memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran, terdapat juga aktiviti seperti promosi bagi menarik pelajar antarabangsa, lawatan akademik, pembentangan kertas kerja pelajar serta staf ke luar negara tidak mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada pengurusan fakulti kerana kekangan peruntukan universiti. Sebagai contoh, Tabung Pengurusan Aktiviti Pelajar (TPAP) 2022 menerima jumlah permohonan sekitar RM 236,453.40 bagi aktiviti-aktiviti berkenaan akademik FSR, namun hanya sejumlah RM 93,420.00 yang diluluskan. Menurut rekor, sebanyak 40 program menerima kelulusan aktiviti dengan 12 aktiviti menerima sekitar 0 sehingga 56% sahaja daripada jumlah peruntukan asal.

Bajet untuk peralatan, perisian serta kemudahan bilik kuliah perlu sentiasa diberi perhatian. Kekangan kewangan disebabkan pemotongan bajet tahunan kepada universiti sedikit sebanyak telah menyebabkan banyak aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran terkesan. Antara risiko yang paling besar diperingkat fakulti ialah pengurangan geran penyelidikan dalaman dan luaran. Pengurangan geran ini berpotensi mengendala projek-projek penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar-pelajar pascasiswazah yang diterajui pensyarah-pensyarah pakar FSR.

#### *2.5.3 Ketidakstabilan Ekonomi Negara*

Kestabilan ekonomi negara serta kelembapan industri telah banyak menyebabkan bajet universiti dipotong. Kelembapan ekonomi negara telah memberi impak secara langsung kepada bilangan pelajar yang mendaftar di peringkat ijazah dan diploma. Pihak industri juga tidak banyak membayai program aktiviti pelajar dan menghantar kakitangan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

#### **SENARAI BUKTI :**

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Di FSR, pusat yang bertanggungjawab untuk pengajaran dan pembelajaran biasanya menggunakan kitaran Plan, Do, Check, and Act (PDCA) untuk melibatkan diri secara berkesan dengan pihak pelanggan berkepentingan. Antara langkah digunakan:

Perancangan (Plan): PTJ FSR akan cuba merancang tumpuan pelanggan berdasarkan objektif kualiti FSR yang mengandungi 9 perkara bertumpu pada kumpulan pelanggan yang telah dikenal pasti. Selain itu, dalam menetapkan perangcangan, PTJ juga akan mengguna pakai UiTM 2025 Strategic Plan Performance Indicator (PI) Achievement 2023 yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran seperti jumlah *academic programmes embedded with new international credited service learning activities*, peratusan Graduate on time (GOT), Bilangan MOOC, *Number of leadership programmes* dan pelbagai PI yang berkaitan P&P yang menjadi amanah kepada PTJ akademik. PTJ bersama kumpulannya akan cuba membangunkan pelan komprehensif untuk inisiatif pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk menetapkan matlamat, menentukan strategi, dan mengenal pasti keperluan dan jangkaan pelbagai pihak pelanggan, seperti pelajar, fakulti, pentadbir dan pihak industri juga penaja.

Pelaksanaan(Do): Dalam fasa ini, PTJ melaksanakan inisiatif yang dirancang. Ia melibatkan mereka bentuk dan menyampaikan kaedah pengajaran yang inovatif, membangunkan bahan kurikulum, menyediakan program pembangunan fakulti, atau mencipta perkhidmatan sokongan pelajar. PTJ ini memastikan bahawa inisiatif sejajar dengan jangkaan pihak berkepentingan dan memenuhi keperluan para pelanggan. Fasa ini dibantu oleh pekeliling yang ditetapkan oleh bahagian pentaksiran dan penilaian akademik (BPPA) dan bahagian pemantauan akademik iaitu Jawatan Kuasa Induk Pemantauan Akademik (JKIPA)

Pemantauan (Check): PTJ FSR sentiasa menilai keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan dengan mengumpul maklum balas daripada pihak pelanggan. Ia mungkin menjalankan tinjauan, pelaporan, temu bual atau menggunakan kaedah penilaian lain untuk mengukur kepuasan pihak pelanggan, menilai hasil pembelajaran dan mengukur kesan intervensi. Langkah ini membantu mengenal pasti bidang penambahbaikan dan menyerlahkan sebarang jurang antara hasil yang dirancang dan sebenar.

Tindakkan (Act): Berdasarkan maklum balas dan keputusan penilaian, PTJ mengambil tindakan untuk menambah baik inisiatif pengajaran dan pembelajaran. Ini mungkin melibatkan pengubahsuaian strategi sedia ada, menangani isu yang dikenal pasti, dan melaksanakan perubahan yang diperlukan untuk meningkatkan kepuasan pihak pelanggan dan meningkatkan hasil pembelajaran. FSR bekerjasama dengan pihak pelanggan untuk memastikan maklum balas mereka dipertimbangkan dan disepadukan ke dalam proses membuat keputusan.

Secara keseluruhan, dengan mengikuti kitaran PDCA, pusat yang bertanggungjawab untuk pengajaran dan pembelajaran di pendidikan tinggi terlibat secara aktif dengan pihak pelanggan, menambah baik inisiatif mereka secara berterusan, dan memastikan pengalaman pengajaran dan pembelajaran memenuhi jangkaan dan keperluan semua pihak yang terlibat.

### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Terdapat beberapa pihak yang dikenalpasti sebagai pelanggan kepada FSR. Mereka adalah terdiri daripada pelajar, ibu bapa, majikan atau industri, pensyarah, kerajaan, alumni dan pihak penaja (Rajah 1). Kesemua pelanggan ini mempunyai pelbagai keperluan, jangkaan dan minat dalam pendidikan tinggi. Pendekatan yang sesuai boleh menangani keperluan ini dengan menyediakan alat, sumber dan sokongan yang inovatif untuk meningkatkan pengalaman pendidikan, meningkatkan hasil pembelajaran, dan memenuhi permintaan pelajar dan pihak pelanggan lain yang sentiasa berubah mengikut peredaran semasa.

FSR menguruskan pelanggan melalui tindakan berstrategi menggunakan pendekatan bersesuaian bertujuan meningkatkan komunikasi, kolaborasi, dan hubungan dalam pengurusan melalui beberapa langkah (Rajah 2):

- 1) Kenal pasti pelanggan untuk fahami peranan, minat dan harapan mereka.
- 2) Fahami keperluan dan jangkaan pelanggan dengan menjalankan tinjauan untuk mengumpulkan maklumat tentang keperluan, jangkaan dan kebimbangan setiap kumpulan pelanggan untuk memahami perspektif mereka dan menyesuaikan strategi komunikasi dengan sewajarnya.
- 3) Wujudkan saluran komunikasi yang jelas dan mudah diakses oleh pelanggan untuk memberikan maklum balas, menyuarakan kebimbangan dan berkongsi cadangan.
- 4) Libatkan pihak pelanggan dalam membuat keputusan dengan menyediakan peluang untuk menggalakkan rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama dan penglibatan yang menggalakkan mengukuhkan ikatan antara fakulti dan pelanggan.
- 5) Mengiktiraf dan menghargai sumbangaan pihak pelanggan untuk membantu memupuk hubungan yang positif dan menyokong.
- 6) Sentiasa menilai dan menyesuaikan strategi antara pihak pelanggan dengan menyemak dan perhalusi pendekatan secara kerap untuk memastikan ia kekal responsif kepada keperluan dan jangkaan pihak pelanggan yang sentiasa berubah.

Dengan menggunakan pendekatan inklusif, telus dan responsif kepada pihak pelanggan, institusi pengajian tinggi boleh membina hubungan yang kukuh, memupuk semangat kemasyarakatan dan meningkatkan keberkesanannya secara keseluruhan.

Mengendalikan pihak pelanggan di FSR memerlukan pendekatan yang sesuai untuk memastikan komunikasi, kerjasama dan pengurusan perhubungan yang berkesan. Berikut adalah beberapa pertimbangan utama: Penglibatan dan pengukuhan pihak pelanggan dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat FSR boleh dicapai melalui strategi berikut:

- 1) Kerjasama dan penglibatan dengan memberi ruang maklum balas dan penyertaan dalam proses membuat keputusan yang berkaitan dengan inisiatif pengajaran dan pembelajaran.
- 2) Pembangunan profesional: Menaja bengkel, seminar, persidangan dan kursus dalam talian mengenai pedagogi dan reka bentuk pengajaran (Rajah 3).
- 3) Penglibatan pelajar: Libatkan pelajar secara aktif dalam membentuk pengalaman pembelajaran dengan menggalakkan maklum balas pelajar (Rajah 4).
- 4) Penyelidikan dan kesarjanaan dengan menggalakkan pensyarah dan pelajar melibatkan diri dalam penyelidikan dan kesarjanaan yang berkaitan dengan P&P. Mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada sumbangan fakulti kepada kesarjanaan pengajaran dan pembelajaran.
- 6) Penilaian dan maklum balas dengan melaksanakan amalan penilaian yang mantap untuk mengumpul maklum balas tentang keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran daripada pelajar menunjukkan bahagian A:( Persepsi keseluruhan kursus) adalah 84.75-92 (baik-cemerlang), bahagian B:( Profesionalism pensyarah) adalah 85-92.25(cemerlang), bahagian C:( Aktiviti P&P) adalah 85-92(cemerlang) dan bahagian D:(Infrastruktur) adalah 84-91.5(baik-cemerlang) (Rajah 4). Penilaian pensyarah pula dibuat melalui PROOPEN untuk memantau pengajaran dan professionalism pensyarah (Rajah 5).
- 7) Pengiktirafan dan insentif dengan mengiktiraf dan meraikan amalan pengajaran yang boleh

dicontoh. wujudkan diri yang baik, sifat dan perilaku pengurusan dan tindak menyentuh dan sumbangan cemerlang kepada P&P.

8)Sokongan dan sumber institusi dengan memastikan FSR menyediakan sokongan dan sumber yang mencukupi untuk pemberian inisiatif. Ini termasuk melabur dalam teknologi pengajaran, ruang pembelajaran, sumber perpustakaan dan peluang pembangunan profesional.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_T01\\_TB02\\_20231\\_RAJAH 1\\_3.1.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB02\\_20232\\_langkah pengurusan pelanggan.pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB02\\_20233 Bengkel FSR 2022.pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB02\\_20234 SUFO COMPILE.pdf](#)
5. [F0047\\_T01\\_TB02\\_20235 PROOPEN cOMPILE.pdf](#)

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Mengumpul Data Pelajar:FSR mengumpul data pelajar terutamanya melalui borang dalam talian semasa proses kemasukan. Borang ini direka bentuk untuk mengumpulkan maklumat penting seperti butiran peribadi pelajar. Semua maklumat disimpan bentuk adta dalam sistem SIMS (Bukti 1) yang memudahkan komunikasi antara pelajar, pensyarah dan fakulti. Data dari SIMS diintergarasikan dalam platform pengajaran dan pembelajaran, iaitu uFUTURE (Bukti 2). Data juga dikumpul secara fizikal di dalam fail peribadi pelajar dan disimpan oleh pihak hal ehwal akademik FSR. Akses kepada data pelajar ini dikawal ketat melalui kawalan akses berasaskan peranan, mengehadkan akses kepada kakitangan yang diberi kuasa sahaja. Pelayan dan pangkalan data sentiasa dikemas kini bagi tujuan keselamatan dan dipantau untuk sebarang kemungkinan pelanggaran. Akses kepada data peribadi pelajar hanya perlu menggunakan *username* dan katalaluan. FSR komited untuk melindungi data pelajar dan memastikan pematuhan undang-undang ini dengan melaksanakan dasar dan prosedur yang sesuai. Bagi data yang disimpan secara fizikal dal bentuk fail peribadi, ianya juga disimpan dengan teliti dibahagian HEA.

Kenalpasti Data:Untuk mengekalkan data pelajar yang terkini dan tepat, FSR telah mewujudkan proses pengesahan data. FSR berkomunikasi dengan pelajar untuk mengemas kini maklumat mereka, seperti butiran pendaftaran kursus dan status akademik melalui studentportal dalam talian di mana pelajar boleh menyemak dan mengemas kini data peribadi mereka.

Pihak pengurusan FSR melibatkan para pelanggan dalam pelaksanaan P&P melalui beberapa cara: Pertama, pembangunan kurikulum dimana FSR menggunakan platform seperti semakan kurikulum yang biasanya akan dilaksanakan oleh Resource Person yang dilantik (Bukti 3). Ini meningkatkan kerjasama dengan pakar fakulti dan subjek untuk membangunkan dan menyemak kurikulum yang sejajar dengan misi dan hasil pembelajaran FSR. Usaha ini dapat memastikan program dan kursus memenuhi keperluan pelajar dan permintaan industry semasa berdasarkan *Programme Learning Outcome (PLO )* dan *Course Learning Outcome (CLO)*.

Kedua, Pihak pengurusan FSR memberi sokongan dan pembangunan fakulti dengan meningkatkan profesional pensyarah dengan meningkatkan kemahiran mengajar termasuk bengkel, sesi latihan, program bimbingan dan sumber untuk menggalakkan amalan pengajaran yang berkesan. Pihak FSR juga mengendalikan penilaian dan jaminan kualiti dengan menetapkan proses untuk menilai hasil pembelajaran pelajar dan memastikan kualiti program. FSR mengguna pakai alat penilaian seperti PROOPEN dan SUFO dalam menganalisis data, dan memberikan maklum balas kepada fakulti dengan pelaporan CDL-CQI (Bukti 4) bagi penambahbaikan berterusan. Ini membantu mengekalkan standard pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

FSR juga menggalakkan Integrasi Teknologi Pendidikan dengan menilai alat yang sesuai, menyediakan latihan kepada fakulti, dan memudahkan penyepaduan teknologi ke dalam kurikulum dengan mengemukakan pembelian alat bantu mengajar atau mesin berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran sebagai bukti maka terbinalah makmal baru Prestasi Manusia di aras 4. Seterusnya, pengurusan FSR juga menyediakan perkhidmatan sokongan pelajar seperti khidmat nasihat akademik, pusat sukan, kaunseling dan perpustakaan dan pengurusan asrama melalui perantaraan majlis perwakilan pelajar (MPP) dan secreteriat mahasiswa fakulti (SMF).

Pihak Industri juga dilibatkan melalui fungsi penajaan barang-barang keperluan pebgajaran dan pembelajaran (Bukti 5) bagi subjek SPS290 dan SPS 321 dan pelbagai sumbangan lain seperti tempat latihan praktikal.Selain itu juga, pihak industri memainkan peranan dalam *collaborative teaching* berdasarkan kepakaran industri yang diadaptasi ke dalam kursus berkaitan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_T01\\_TB03\\_20231\\_SIMS.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB03\\_20232\\_ufuture.pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB03\\_20233\\_surat perlantikan RP SPS113.pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB03\\_20234\\_CDL.pdf](#)
5. [F0047\\_T01\\_TB03\\_20235\\_SALINAN SURAT ENDOWMENT INDUSTRI UNTUK P&P.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Program utama di FSR adalah dalam bidang Sains Sukan dan Pengurusan Sukan dan Rekreasi. Menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang efektif, pelanggan utama FSR iaitu para pelajar telah mendapat banyak manfaat terutama dari segi peningkatan ilmu pengetahuan. Pelbagai pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran yang dilaksanakan di FSR telah berjaya menghasilkan pencapaian akademik yang baik dikalangan pelajar FSR. Ini dapat dibuktikan dengan kejayaan seramai 4 orang pelajar Sarjana Muda Sains Sukan (SR243) dan 4 orang pelajar Sarjana Muda Pengurusan Sukan (SR241) yang berjaya merangkul Anugerah Naib Canselor pada tahun 2022. Anugerah ini dapat meningkatkan semangat para pelajar untuk terus berjaya dimasa akan datang (Bukti 1).

Dikalangan para pensyarah pula, manfaat yang diperoleh hasil daripada Pengajaran dan Pembelajaran yang berkesan adalah, ia dapat meningkatkan kualiti dan pencapaian pensyarah dari segi pengajaran. FSR sangat menghargai usaha yang telah dilakukan oleh para pensyarahnya dengan melaksanakan inisiatif dengan memberikan pelbagai Anugerah Akademik dan kecemerlangan kepada para pensyarah FSR yang menunjukkan prestasi cemerlang sebagai penyuntik semangat dan penghargaan kepada kerja keras pensyarah. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi dan kecemerlangan pensyarah untuk terus memberikan yang terbaik kepada para pelajar, FSR dan UiTM(Bukti 2).

Pensyarah FSR juga terlibat dalam *Collaborative Teaching (CT)* mengikut modul-modul pilihan masing-masing. Pengajaran kolaboratif menghimpunkan pensyarah dan pihak industri yang boleh memberikan pelbagai perspektif, kepakaran dan pengalaman. Ini memperkayakan persekitaran pembelajaran dan meningkatkan kualiti pendidikan membawa kepada hasil pembelajaran yang lebih baik untuk pelajar. Terdapat 5 pensyarah berdaftar untuk CT yang merangkumi modul yang melibatkan kolaborasi antara fakulti, universiti awam, industri dan antara negara (Bukti 3). Kebaikan CT ialah penyertaan pelajar yang lebih besar, motivasi, dan pemahaman yang lebih mendalam tentang subjek. Ganjarannya pendaftaran dan perakuan sijil CT dikira dalam MYATP (Bukti 4) mengikut skor sebagai penilaian prestasi pensyarah.

Para pensyarah FSR juga terlibat dalam penghasilan bahan pembelajaran berkualiti diatas talian untuk kegunaan pelajar FSR tetapi juga untuk kegunaan pelajar universiti lain.Terdapat 4 Massive Open Online Course (MOOC) didaftarkan pada tahun 2022 dan 3 telah siap sedia untuk diterbitkan diplatform Ufuture. Pelaksanaan MOOC akan memperolehi sijil, dikira dalam MYATP juga berkemungkinan mendapat anugerah diperingkat fakulti dan universiti (Anugerah Majlis Apresiasi MOOC) (Bukti 5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20231\\_ANC 2022.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20232\\_Bukti 3.4.1.pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20233\\_Senarai pensyarah mendapat sijil CT.pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20234\\_Skor CT dlm MYATP.pdf](#)
5. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20235\\_MOOC.pdf](#)

### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Dalam bidang pegajaran dan pembelajaran, antara risiko yang dikenalpasti yang boleh menjelaskan pelaksanaan dan kejayaan maklumbalas pelanggan adalah risiko akademik. Risiko akademik merujuk kepada kebarangkalian pelajar gagal dalam kursus tertentu atau tidak dapat bergraduat pada masa yang ditetapkan disebabkan tidak memenuhi keperluan program. Untuk mengatasi isu berkaitan risiko akademik ini, pihak pengurusan dan pensyarah FSR telah mengambil inisiatif melaksanakan kursus yang dapat membantu pelajar untuk lulus dengan cemerlang dalam kursus atau subjek mereka ambil melalui perlaksanaan kursus Service Learning Malaysia-University for Society or SULAM, pendekatan ini adalah seiring dengan halatuju UiTM untuk menghasilkan graduan yang holistik dalam pelbagai bidang. Antara kursus di FSR yang menawarkan program SULAM ialah Kejurulatihan Sukan Gunaan (SPS615). Dengan adanya kursus seperti ini, ia membolehkan para pelajar meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui program lapangan yang dijalankan di kalangan komuniti. Ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk mencapai matlamat lulus cemerlang dalam kursus yang diambil, dan pada masa yang sama memberi khidmat kepada komuniti (Bukti 1,5).

Dikalangan para pensyarah pula, isu adalah seperti keupayaan para pensyarah untuk mengaplikasi dan mengadaptasi penyelidikan kepada amalan P&P. Dalam mengatasi isu ini, pihak pengurusan FSR yang diketuai oleh Timbalan Dekan Akademik dan Timbalan Dekan Jaringan Industri dan Penyelidikan telah secara aktif menggalakkan para pensyarah untuk menerbitkan jurnal hasil daripada penyelidikan daripada geran dan penyeliaan projek tahun akhir pelajar. Antara program yang telah dijalankan adalah bengkel penulisan “FYP TO INDEXED PUBLICATION”. Program ini telah memberi panduan dan manfaat kepada para pensyarah untuk menghasilkan penulisan jurnal yang berkualiti dan berimpak tinggi. (Bukti 2)

Selain itu, dalam menghasilkan pelajar FSR yang berkualiti, para pensyarah FSR amat menjaga piawaian dengan memastikan bahan P&P adalah terkini dan bermutu. Seiring dengan perkara ini, ada diantara para pensyarah FSR Shah Alam telah mengambil pendekatan melakukan “Collaborative Teaching” (CT) iaitu Kerjasama dalam bidang P&P antara pensyarah di FSR Shah Alam dengan pensyarah FSR cawangan dan pihak industri yang pakar dalam bidang Sains Sukan melalui program Webinar "TALENT DEVELOPMENT IN MALAYSIA" untuk kursus SPS585 (Bukti 3,4). Pendekatan ini secara tidak langsung dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar, malahan kebaikan dan impak positif kepada pensyarah dan industri terlibat.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20231\\_CE\\_2023\\_00134 - Sport Carnival.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20232\\_bukti 3.4.2 aknc.pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20233\\_Bukti 3 3.4.2.pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20234\\_Bukti 4 3.4.2.pdf](#)
5. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20235\\_BUKTI 5 3.4.2.pdf](#)

### **3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Pihak pengurusan FSR sangat mengambil berat terhadap sebarang maklumbalas atau aduan daripada pelanggan termasuklah pelajar, pensyarah, ibu bapa, alumni dan pihak industri. Hasil dari maklumbalas dan aduan tersebut, pihak pengurusan akan mengenalpasti dan meneliti cara penyelesaian terhadap sebarang permasalahan yang dikemukakan melalui perbincangan dan mesyuarat secara berkala.

Jika terdapat sebarang isu berkaitan pelajar, pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) melalui Timbalan Dekan HEP akan mengambil inisiatif untuk membantu pelajar tersebut. Dalam menyokong program pelajar, pihak HEP melalui prosedur yang berstruktur akan melakukan mesyuarat untuk meneliti, dan kemudian meluluskan program pelajar serta membantu dalam menyalurkan dana dan peruntukan kewangan supaya program pelajar dapat berjalan lancar. (Bukti1)

Bagi memastikan keberkesanan proses P&P maklumbalas pelajar terhadap staf akademik FSR dilakukan pada setiap semester melalui penilaian soal selidik yang disediakan di dalam sistem portal pelajar melalui penilaian SUFO (Bukti 3). Selain itu, pihak pengurusan PPS juga mengambil inisiatif mewujudkan jawatankuasa pemantauan pensyarah (PROPENS) yang bertanggungjawab memantau keberkesanan proses P&P pensyarah serta tahap professionalisme pensyarah terhadap kod kursus yang diajar (Bukti 4).

Maklumbalas positif daripada pelanggan dalam bentuk penghargaan dan pengiktirafan juga turut diterima oleh pihak FSR. Kecemerlangan para pensyarah FSR turut mendapat pengiktirafan diperingkat antarabangsa. Maklumbalas ini akan disebarluas kepada warga FSR khasnya dan kepada masyarakat secara umumnya melalui medium interkatif seperti WhatsApp, Email dan platform media sosial rasmi FSR seperti Facebook. Ini adalah untuk menyuntik semangat pelanggan dan warga FSR untuk lebih maju dan berdaya saing pada masa akan datang (Bukti 2, 5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20231\\_Bukti 1 3.4.3.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20232\\_bukti 3 3.4.3 F0047\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20233\\_sufo\\_compile.pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20233\\_Bukti 4 3.4.3.pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20234\\_bukti 2 3.4.3 F0047\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20232\\_Bukti 2 aknc 4.3.3.pdf](#)
5. [F0047\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20235\\_bukti 5 3.4.3.pdf](#)

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Langkah penambahbaikan yang telah diambil oleh pihak FSR telah memunjukkan kesan positif kepada para pelanggannya. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan pembudayaan dan pengiktirafan dalam bidang penyelidikan dan inovasi dikalangan staf akademik FSR, bukan sahaja diperingkat universiti, tetapi juga diperingkat kebangsaan dan antarabangsa melalui jaringan bersama pihak industri. (Bukti 1, 2, 3). Selain daripada itu, melalui penyelidikan yang berterusan, pelajar siswazah dan para pensyarah telah berjaya menghasilkan penerbitan jurnal diperingkat dalam dan luar negara (Bukti 4).

Hasil kepekaan pihak pengurusan FSR terhadap keperluan pelanggan telah berjaya menujudkan budaya penghargaan dikalangan pelanggannya. Pendekatan ini telah memberi impak positif dan ini dapat dilihat berdasarkan prestasi kerja yang penuh bersemangat dan efisyen dikalangan warga FSR. Pihak pengurusan FSR telah mengambil inisiatif dengan mengadakan imbuhan, anugerah dan sijil sebagai tanda penghargaan terhadap kecemerlangan akademik dan motivasi yang berterusan terhadap pelanggannya. Melalui cara ini pelanggan akan lebih kompetitif untuk memberikan perkhidmatan terbaik dalam melaksanakan P&P dan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi dan kecemerlangan FSR. Diantara inovasi yang telah diwujudkan adalah Anugerah Kecemerlangan Akademik bagi meraikan kejayaan cemerlang para pensyarah, manakala untuk pelajar telah diadakan majlis anugerah pelajar cemerlang dan Malam Pra-Graduan (Bukti 5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_T01\\_TB05\\_20231\\_Bukti 3.5.pdf](#)
2. [F0047\\_T01\\_TB05\\_20232\\_GOLD JM075 \(2\).pdf](#)
3. [F0047\\_T01\\_TB05\\_20233\\_ITEX 2022 Afiyah.pdf](#)
4. [F0047\\_T01\\_TB05\\_20234\\_Bukti 3 3.5.pdf](#)
5. [F0047\\_T01\\_TB05\\_20235\\_Compilation anugerah FSR majlis Apresiasi 2022.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Item pengukuran adalah penting untuk mengukur pencapaian bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). FSR telah menetapkan penunjuk prestasi (PI) Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) mengikut kekuatan yang telah difokuskan iaitu Akreditasi oleh Malaysian Qualification Agency (MQA), Ketampakan Pensyarah dan Inovasi/Kecemerlangan Pelajar. Oleh itu jenis pengukuran pencapaian yang digunakan untuk mengukur ketiga-tiga kekuatan tumpuan tersebut adalah data dan maklumat dari unit pengurusan utama fakulti seperti HEA, HEP, PJI, dan Kualiti. Proses tersebut dinilai secara berkala untuk memastikan ianya selari dengan akreditasi semasa dan kehendak peraturan serta memenuhi keperluan akademik dan keperluan operasi untuk menjamin pengukuran yang sistematik dan pengurusan pengetahuan yang berkesan.

## **4.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Setiap data perancangan dan pencapaian yang berkaitan P&P adalah amat penting untuk direkod dan disimpan bagi mengukur pencapaian bagi tujuan penambahbaikan. Bagi ketiga-tiga kekuatan bidang tumpuan ini iaitu Akreditasi MQA, Ketampakan Pensyarah, dan Kecemerlangan Pelajar, jenis-jenis data penilaian adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual 4.2. 1. Jadual 4. 2. 1 memaparkan penunjuk prestasi yang digunakan oleh FSR sebagai item pengukuran utama kepada kejayaan dianugerahkan akreditasi penuh selama bertahun-tahun tanpa interim, ketampakan pensyarah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta kejayaan pelajar dalam bidang akademik dan sukan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_A01\\_AB02\\_20231\\_Jadual 4.2.1 Item Pengukuran Pencapaian Bidang Tumpuan P&P.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB02\\_20232\\_CDL-CQI - SR - 20222 - Petikan Minit.pdf](#)
3. [F0047\\_A01\\_AB02\\_20233\\_CDL-CQI - SR - 20224 - Petikan Minit.pdf](#)
4. [F0047\\_A01\\_AB02\\_20234\\_SuFO - SR - 20224 - D.pdf](#)
5. [F0047\\_A01\\_AB02\\_20235\\_SuFO - SR - 20222 - I.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Salah satu kaedah penilaian oleh FSR ialah MyCOPD. Inovasi sistem MyCOPD ini digunakan untuk menilai tahap pencapaian Program Outcome (PO) pelajar sepanjang program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian). Data penilaian yang memaparkan pencapaian kesemua atribut PO adalah amat penting kerana ia merupakan elemen utama dalam proses akreditasi MQA. Ianya bertujuan untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan pelajar yang akan bergraduat supaya dapat mencapai kesemua atribut dengan cemerlang. Apabila kekuatan dan kelemahan telah dikesan, selanjutnya beberapa langkah penambahbaikan dapat dilaksanakan.

Kaedah MyCOPD ini digunakan ialah dengan memuatnaik keputusan peperiksaan akhir, kerja kursus dan ujian pelajar ke atas pautan MyCOPD yang terdapat dalam laman sesawang FSR. Keputusan pelajar ini kemudiannya dianalisa mengikut PO individu, kumpulan dan keseluruhan program.

Sementara itu, antara kaedah penilaian yang digunakan untuk mengukur pencapaian Ketampakan Pensyarah pula ialah bilangan dan kekerapan mobiliti pensyarah berkolaborasi dalam dan luar negara. Mobiliti pensyarah ini diukur berdasarkan penglibatan dan lantikan pensyarah sebagai pensyarah pelawat universiti, pemeriksa luar untuk pembentangan penyelidikan pasca siswazah, kolaborasi penyelidikan bersama universiti luar negara dan lain-lain lagi.

Kaedah data ini direkod adalah berdasarkan kepada borang pelaporan aktiviti di bawah MOU dimana setiap pensyarah yang menjalankan aktiviti wajib untuk melaporkan penglibatan mereka. Data ini dikendalikan oleh unit PJI fakulti yang bertanggungjawab meluluskan dan melaksanakan aktiviti penyelidikan, perundingan, MOU dan MOA di peringkat nasional dan antarabangsa. Kekerapan data ini di rekod adalah setiap hari sepanjang tahun iaitu sebaik sahaja aktiviti yang dijalankan oleh pensyarah selesai. Bagi mengenalpasti tahap pencapaian, semua data akan dianalisa, dikaji, dan dibincangkan pencapaiannya setiap 4 bulan sekali melalui Laporan Aktiviti Mobiliti Pensyarah. Pencapaian tersebut kemudiannya perlu dirujuk kepada KPI mobiliti pensyarah yang ditetapkan di fakulti. Menerusi data yang direkod, pemetaan dapat dibuat menunjukkan ketampakan UiTM ke seluruh dunia terutama dalam bidang khusus sains sukan.

Seterusnya pencapaian akademik dan kecemerlangan sukan Pelajar pula dinilai berdasarkan beberapa data. Salah satunya adalah data yang dikumpul melalui perlaksanaan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang menggunakan peruntukan kewangan Kumpulan Wang Pengurusan (Keraian Pelajar).

Di dalam kaedah mengumpul data ini, pelajar akan mengemukakan kertas kerja permohonan peruntukan bagi menyertai mana-mana pertandingan atau program. Selepas selesai menjalankan aktiviti, mereka juga dikehendaki mengemukakan laporan aktiviti untuk tujuan kaji semula keberkesanan aktiviti yang disertai ke atas pembangunan ilmu dan sahsiah pelajar. Laporan ini perlu dihantar kepada Penolong Pendaftar HEP fakulti untuk direkodkan. Melalui laporan ini, bilangan pelajar yang terlibat dan juga jumlah kewangan yang diperuntukan kepada pelajar di rekod dan disimpan dalam satu sistem. Berdasarkan sistem ini, senarai kemenangan dan kejayaan pelajar dapat dianalisa.

Kekerapan data dikumpulkan dan dianalisa adalah sepanjang tahun. Ini kerana setiap permohonan peruntukan untuk pembelian pelajar dan laporan selepas tamat program perlu diserahkan pada unit HEP fakulti. Pusat Pengijian Siswazah (PPS) juga telah melaksanakan tindakan pengurusan risiko dengan memastikan soalan-soalan peperiksaan yang disediakan mengikut silibus yang ditetapkan melalui mesyuarat semak baca kertas soalan serta Jadual

Spesifikasi Ujian (JSU). PPS juga mengadakan sesi temubual untuk calon-calon yang memohon untuk memasuki pengajian pascasiswazah. Ini bagi memastikan pelajar memenuhi syarat kelayakan program siswazah yang digariskan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_A01\\_AB03\\_20231\\_Total Score Pro-pens - SR - 20224.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB03\\_20232\\_Total Score Pro-pens - SR - 20222.pdf](#)
3. [F0047\\_A01\\_AB03\\_20233\\_TESA - SR - 20222 - MARKS ONLY \(1\).pdf](#)
4. [F0047\\_A01\\_AB03\\_20234\\_TESA - SR - 20224 - MARKS ONLY \(1\).pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan dilaksanakan secara berkala dan digunakan oleh Pengurusan tertinggi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Menyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mensyuarat Pengurusan Tertinggi FSR untuk memantau dan menyemak semula prestasi sasaran pencapaian bidang tumpuan berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama yang telah ditetapkan. Bilangan pelajar FSR yang berjaya bergraduat (dengan sijil, Anugerah Dekan dan Anugerah Naib Cancelor) dipantau setiap semester dan dianalisa bersama dengan hasil pemantauan PdP yang lain (Lampiran 1). Antara pemantauan yang dilaksanakan di FSR adalah “Closing the Loop – Continuous Quality Improvement (CDL-CQI)” di mana beberapa isu kritikal telah dikenalpasti (Lampiran 2). FSR juga juga berusaha menyediakan Massive Open Online Courses (MOOC) dan pelbagai aspek pembangunan kursus MOOC juga dipantau setiap tahun (Lampiran 1). Selain daripada EES, maklum balas pelajar terhadap setiap kursus yang didaftar juga diteliti untuk pemantauan kualiti PdP melalui Student Feedback Online (SuFO). Analysis SuFO menunjukkan purata markah yang diperolehi adalah 87.81% dan terdapat peningkatan (4-6%) dari semester 2022 ke 2024 (Lampiran 1). Hasil penilaian SuFO yang baik ini juga telah menunjukkan bahawa proses PdP yang mula sepenuhnya dijalankan secara F2F semula telah mendapat maklumbalas yang baik dari pelajar. Kualiti PdP juga dipantau melalui Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS) dan Teaching Self Evaluation (TESA). Hasil penilaian PRO-PENS telah menunjukkan pelaksanaan aktiviti PdP telah diperkuatkan dengan profesionalisme pensyarah-pensyarah di FSR yang berada pada tahap yang baik (lampiran 3). Purata skor TEX yang diperolehi adalah 88% (Baik) dan markah ini merupakan satu indikator yang sah bagi penilaian tahap keberkesanan aktiviti PdP di FSR. FSR juga menjalankan penilaian pengajaran 360 dan beberapa amalan terbaik telahpun dikenalpasti bagi penambahbaikan prestasi dalam proses PdP di FSR (Lampiran 4). Dalam usaha untuk melahirkan graduan FSR yang profesional, dinamik, berdaya saing, berketerampilan, beretika serta mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran melalui objektif dan inisiatif dalam pengajaran dan pembelajaran, prestasi FSR di persada global juga dipantau berterusan melalui skor yang diperolehi dalam QS World University Rankings by Subject (Sports-Related Subjects) dan perbandingan prestasi FSR dengan institusi lain dalam dan luar negara membolehkan amalan yang berjaya mencapai sasaran dikenalpasti dan diperkasakan manakala amalan yang tidak mencapai sasaran akan diperbaiki berdasarkan penambahbaikan berterusan (Lampiran 5).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20231\\_Lampiran 1 Pelajar MOOC SUFO TESA.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20232\\_Lampiran 2 CDL\\_CQI .pdf](#)
3. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20233\\_Lampiran 3 Propens .pdf](#)
4. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20234\\_Lampiran 4 TEX.pdf](#)
5. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20235\\_Lampiran 5 QS world ranking.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Mengenalpasti risiko secara holistik merupakan cabaran besar tadbir urus FSR dalam setiap perancangan bidang PdP tetapi pengurusan risiko secara berkesan akan membantu memacu FSR ke aras yang lebih tinggi. Hasil daripada penilaian pengajaran 360 dan analisa data daripada pemantauan kualiti PdP seperti SuFO, TESA dan PRO-PENS, berikut merupakan antara risiko yang telah dikenalpasti dalam bidang tumpuan PdP untuk semester 20222 (Lampiran 1) dan semester 20224 (Lampiran 2):

1. Penyampaian kuliah secara ODL mungkin tidak dapat menarik perhatian dan minat pelajar terutama kepada mereka yang megikuti kuliah di rumah.
2. Ada sebilangan kecil pelajar yang masih menghadapi masalah capaian internet yang baik dan kemudahan komputer/telefon pintar/tab.
3. Bagi meningkatkan lagi kemahiran pelajar, kursus yang melibatkan latihan praktikal, kerja lapangan, makmal tidak bersesuaian lagi untuk dilaksanakan secara 100% ODL atau hibrid.
4. Pelajar mendapat keputusan penilaian kursus bertahap rendah dan sederhana menunjukkan masih terdapat peluang penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti PdP.
5. Masih terdapat kursus-kursus yang dimana aktiviti PdP-nya dijalankan dalam keadaan ‘under strength’ disebabkan faktor kelengkapan peralatan PdP lama yang tidak dikemaskini atas kekangan bajet.
6. Keadaan dan suasana kelas yang usang diambilkira sebagai salah satu faktor yang melemahkan pelaksanaan aktiviti PdP.
7. Kekurangan bilik kuliah yang mampu menampung jumlah pelajar yang besar untuk menjalankan sesi PdP secara ‘mass-lecture’ juga diambilkira sebagai salah satu risiko yang memungkinkan prestasi pensyarah boleh terjejas atas faktor ‘fatigue’ dalam menjalankan proses PdP yang sama berulang-ulang kali bersama kumpulan pelajar yang berlainan di dalam bilik kuliah yang kecil.

Risiko yang telah dikenalpasti ini membolehkan pihak Pengurusan Kanan FSR merancang tindakan pencegahan dan penambahbaikan seperti yang diuraikan dalam bahagian 4.4.3. Selain daripada itu, Jawatan kuasa Pengurusan Risiko FSR telah diwujudkan dan berperanan dalam mengawalselia aspek risiko berkaitan operasi, keselamatan, kesihatan pekerjaan dan kebijakan (Lampiran 3). Jawatankuasa ini juga berperanan dalam melaksana setiap proses kerja dengan memastikan setiap operasi yang dijalankan mencapai piawaian yang ditetapkan serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan dan tersasar dari KPI.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20231\\_Lampiran 1 Laporan TEX 20222.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20232\\_Lampiran 2 Laporan TEX 20224.pdf](#)
3. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20233\\_Lampiran 3 JK PEMILIK RISIKO FSR 2022.pdf](#)

#### **4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Pengurusan Kanan FSR sangat mengambil berat terhadap risiko-risiko ini dan langkah proaktif dalam pengurusan risiko telah diambil oleh Pengurusan Kanan FSR untuk memantapkan tadbir urus pengurusan khususnya bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) bagi memastikan FSR akan sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Antara tindakan pencegahan dan cadangan penambahbaikan berterusan yang telah diambil pada semester 20222 (Lampiran 1) dan semester 20224 (Lampiran 2 ) adalah seperti berikut:

1. Bagi kursus – kursus berkeperluan tinggi yang melaksanakan tugas aktiviti PdP dan penilaian praktikal/makmal/kerja lapangan (contoh, swimming, advanced conditioning dll), pelaksanaan secara hibrid perlu diubah kepada 100% F2F.
2. Keperluan bagi semua pensyarah untuk mengikuti kursus/seminar berkaitan Kaedah PdP yang efektif pasca-pandemik.
3. Memastikan peningkatan jumlah pensyarah yang menghantar pelaporan berkaitan CDL-CQI untuk setiap kursus.
4. Mengenalpasti komponen yang menyumbang secara langsung terhadap keputusan penilaian kursus bertahap rendah.
5. Mendapatkan bajet dan dana daripada sumber-sumber yang berkenaan bagi menambahbaik kelengkapan aktiviti PdP untuk kursus-kursus berkeperluan.
6. Membuat perancangan jangka masa panjang untuk menyediakan ruang kuliah yang lebih kondusif untuk aktiviti PdP yang lebih selesa untuk pelajar dan pensyarah.
7. Menyusun strategi untuk mendapatkan ruang kuliah yang mampu untuk digunakan dalam '*mass-lecture*' melalui analisa ruang kuliah dan analisa jadual waktu PdP untuk semester hadapan (Lampiran 5).
8. Meningkatkan lagi aktiviti PdP collaborative teaching bersama panel pakar dari industri/universiti luar/antarabangsa (Lampiran 5).
9. Mengadakan program perkongsian *Best Practice* pensyarah FSR dan jemputan luar (Lampiran 5).
10. Pelaksanaan *Collaborative Teaching* bersama pensyarah luar, LIC, industri dan komuniti (Lampiran 5).

Hasil analisa dan tindakan yang diambil untuk penambahbaikan prestasi dikongsi dengan warga FSR melalui emel rasmi (Lampiran 3). Selain daripada mesyuarat fakulti, Pengurusan Kanan FSR juga berkongsi maklumat dari semasa ke semasa melalui kumpulan WhatsApp supaya warga FSR dapat ambil maklum tentang perkembangan terkini (Lampiran 4).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20231\\_Lampiran 1 Laporan TEX 20222.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20232\\_Lampiran 2 Laporan TEX 20224.pdf](#)
3. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20233\\_Lampiran 3 emel rasmi.pdf](#)
4. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20234\\_Lampiran 4 Whatsapp groups.pdf](#)
5. [F0047\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20235\\_Lampiran 5 pakar.pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Berdasarkan penganalisaan data yang telah diperoleh, dalam usaha memastikan FSR berada pada landasan yang tepat dalam bidang tumpuan PdP, beberapa langkah proaktif telah dirangka bagi proses pemurnian dan penambahbaikan berterusan yang melibatkan pakar-pakar dalam bidang sains sukan dan rekreasi dari Institusi Pengajian dalam dan luar negara serta dari industri-industri yang berkait. Antara strategi berasaskan nilai ESI (Excellence, Synergy, Integrity) yang diambil untuk memastikan hasil capaian bidang PdP adalah berkualiti dan berimpak tinggi serta bermanfaat kepada pelajar, FSR, UiTM, dan komuniti adalah seperti berikut (Lampiran 1 dan Lampiran 2):-

1. Meningkatkan lagi aktiviti PdP collaborative teaching bersama panel pakar dari industri/universiti luar/antarabangsa.
2. Mengadakan program perkongsian *Best Practice* pensyarah FSR dan jemputan luar.
3. Pelaksanaan *Collaborative Teaching* bersama pensyarah luar, LIC, industri dan komuniti.

Selain daripada itu, FSR juga giat menjalankan projek PdP yang melibatkan komuniti luar melalui SULAM (Lampiran 3 dan 4). Projek community engagement yang dijalankan memberi peluang kepada pelajar FSR menimba pengalaman dan mengasah kemahiran yang dipelajari dalam bilik kuliah. Komuniti yang terlibat turut mendapat manfaat hasil daripada pengkongsian ilmu dan kepakaran daripada pensyarah FSR yang terlibat. Perancangan dan pelaksanaan PdP yang telah dilaksanakan berfokus pada pencapaian holistik pelajar dan pemantapan profesionalisme pensyarah FSR sejajar dengan keperluan akreditasi dan kehendak pasaran semasa.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_A01\\_AB05\\_20231\\_Lampiran 1 CGCT.pdf](#)
2. [F0047\\_A01\\_AB05\\_20232\\_Lampiran 2 webinar.pdf](#)
3. [F0047\\_A01\\_AB05\\_20233\\_Lampiran 3 CE poster.pdf](#)
4. [F0047\\_A01\\_AB05\\_20234\\_Lampiran 4 CE registration.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sumber manusia merupakan elemen penting dalam setiap pengurusan organisasi. Ia juga memainkan peranan yang penting dalam menjayakan sesebuah visi dan misi yang ditetapkan oleh FSR. FSR yang berfokus kepada aspek tumpuan pengajaran dan pembelajaran dan memegang slogan "**Be The Best, Beat The Rest**" telah melaksanakan pelbagai kaedah pengurusan sumber manusia melalui ekosistem yang kondusif dan tadbir urus yang efektif dan efisien dalam mencapai dan melestarikan kecemerlangan akademik. FSR mengamalkan pengagihan kerja mengikut fungsi dan unit yang disusun, serta dibahagikan secara terperinci mengikut skop tugas dan tanggungjawab. Warga kerja FSR juga merupakan nadi penggerak bagi setiap inisiatif strategik dalam mencapai KPI tahunan yang telah ditetapkan.

Pengetahuan dan kepakaran para pensyarah dan kakitangan sokongan FSR turut memainkan peranan yang sangat penting dalam memacu kecemerlangan akademik di FSR. FSR sentiasa menjadikan perancangan strategik UiTM dan Objektif Kualiti FSR sebagai penanda aras dalam mewujudkan pelan perancangan dan strategik yang komprehensif dan dinamik, penyediaan program pengajaran yang berkualiti, inovatif serta memenuhi kehendak pasaran industri dan pelanggan. Disamping itu, FSR juga turut menjayakan dalam peningkatan kemahiran dan ilmu pengetahuan para pensyarah yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan serta meningkatkan kreativiti kakitangan sokongan melalui program pembangunan sumber manusia. Segala usaha ini dihasilkan adalah untuk pembangunan akademik, kerjaya dan kepimpinan serta peningkatan integriti dan pewujudan budaya organisasi yang cemerlang serta mengekalkan tenaga kerja terbaik melalui program pengiktirafan dan penghargaan.

Pemantauan dan pengurusan risiko dalam melihat tahap kepuasan hati pelanggan dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja di ambil perhatian agar objektif yang telah dirancang mencapai sasaran. FSR sentiasa menjadikan amalan penambahbaikan dalam tindakan pengurusan sumber manusia. FSR juga berusaha untuk memupuk semangat kerjasama di kalangan staf melalui inovasi yang berhasil serta penerapan budaya amalan yang baik. Secara keseluruhannya, setiap daripada portfolio jawatan sumber manusia di FSR secara langsung dan tidak langsung menyumbang kepada kejayaan dan keberkesanannya program akademik dan sukan di FSR.

## **5.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) mempunyai dua teras bidang pengajian iaitu Sains Sukan dan Pengurusan Sukan yang terdiri daripada enam program pengajian di peringkat Diploma dan Sarjana Muda. Bidang teras tersebut adalah untuk memenuhi keperluan industri sukan dan badan profesional pada masa kini. Bahagian Hal Ehwal Akademik dibantu oleh 16 kakitangan akademik yang terdiri daripada Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan Penyelaras serta 13 kakitangan pentadbiran bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut misi dan visi universiti. **Rajah 5.1** menunjukkan carta Organisasi FSR (khusus kepada akademik). Dalam memantau aktiviti setiap program pengajian, Pentadbir Akademik telah dilantik bagi memastikan sasaran program yang telah direncanakan berjalan dengan lancar. **Jadual 5.1** menunjukkan senarai koordinator bagi program Diploma dan Sarjana Muda dan senarai pensyarah serta bidang kepakaran masing-masing.

Dalam menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penglibatan seluruh warga FSR yang terdiri dari pelbagai latar belakang pendidikan sangat dititikberatkan bagi memastikan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Objektif Kualiti FSR yang dirangka tercapai. **Jadual 5.2** menunjukkan bilangan staf akademik dan sokongan mengikut gred. **Jadual 5.3** menunjukkan taburan staf akademik mengikut kelulusan akademik tertinggi di FSR bagi tahun 2022. **Jadual 5.4** menunjukkan bidang keperluan dan kelayakan Pendidikan Staf Akademik FSR.

FSR menyediakan ruang dan peluang yang sama kepada warga Fakulti dalam mengikuti latihan/ menghadiri kursus, bengkel, seminar/ penganjuran konferensi dalam dan luar negara untuk meningkatkan kepakaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Disamping itu, ia juga dapat meningkatkan kemahiran, kecekapan dan memperluaskan pengetahuan mengikut bidang masing-masing. **Jadual 5.5** adalah senarai pembentangan Kertas Kerja/ hadiri seminar/ kursus Bagi Tahun 2022. Senarai latihan ini diberikan kepada staf akademik dan pentadbiran di FSR yang dirangka mengikut keperluan dalam bidang kerja masing-masing yang dikhususkan kepada bidang tumpuan pengajaran dan pembelajaran.

FSR sentiasa percaya dengan amalan budaya memberi penghargaan dan pengiktirafan tanpa mengenepikan elemen akauntabiliti dan integriti. FSR turut membudayakan amalan meraikan warga Fakulti yang telah mendapat kenaikan pangkat, bersara, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Khidmat Setia, penghargaan kepada warga Fakulti dalam Majlis Kecemerlangan Akademik. Majlis keraian ini dianjurkan bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim, penghargaan, pengiktirafan dan meningkatkan motivasi setiap warga kerja untuk lebih cemerlang. **Jadual 5.6** menunjukkan senarai nama penerima anugerah yang telah dilaksanakan di FSR.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0047\\_S01\\_SB02\\_20231\\_Rajah 5.1 - Carta organisasi FSR \(tumpuan P&P\).pdf](#)
2. [F0047\\_S01\\_SB02\\_20232\\_Jadual 5.1 - Senarai Pentadbir Akademik Di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi.pdf](#)
3. [F0047\\_S01\\_SB02\\_20233\\_Jadual 5.2 - Jadual 5.4.pdf](#)
4. [F0047\\_S01\\_SB02\\_20234\\_Jadual 5.5 - Senarai pembentangan Kertas Kerja Hadiri Seminar Kursus Bagi Tahun 2022.pdf](#)
5. [F0047\\_S01\\_SB02\\_20235\\_Jadual 5.6- Senarai nama penerima anugerah yang telah dilaksanakan di FSR.pdf](#)

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

FSR didokong oleh staf akademik yang menjadi tulang belakang kepada setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan penglibatan yang optima dan sokongan yang mantap dari Pengurusan Fakulti. Pihak pengurusan FSR telah menyusun struktur organisasi Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pengoperasian akademik dan kurikulum. FSR juga melantik staf akademik bagi menggerakkan pengurusan akademik seperti mengoptimakan kepakaran dan pengalaman sebagai Penasihat Akademik, Penyelia, Fasilitator, dan Penilai Projek tahun akhir pelajar. Bukti 1- Jadual 5.6 menunjukkan senarai pensyarah penyelia yang menilai projek tahun akhir pelajar Sarjana Muda FSR. **Jadual 5.7** menunjukkan senarai pensyarah penyelia yang menilai projek tahun akhir pelajar Sarjana Muda FSR.

Selain itu, kepakaran FSR menjadi rujukan utama kepada universiti awam dan swasta di dalam dan di luar negara dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran seiring dengan slogan UiTM “Universiti Terkemuka Dunia”. Pelantikan pensyarah FSR sebagai Profesor Adjung di Universitas Malang, Indonesia dan pelantikan Profesor Dr Mohad Anizu Mohd Nor sebagai Executive Board Member *ASIAN Council of Physical Education and Sport* (ACPES) telah membuktikan kecemerlangan dan pengiktirafan kepakaran staf akademik FSR di peringkat antarabangsa. Bukti 2 - Rajah 5.2 menunjukkan pelantikan Profesor Adjung di Fakulti Ilmu Keolahragaan, Universitas Negeri Malang, Indonesia dan ACPES.

Kerjasama dengan badan-badan profesional seperti APIEM, Malaysian Exercise and Sports Science Association (MESSA) dan Persatuan Perubatan Sukan Malaysia dapat mengetengahkan kualiti kepakaran dan pengalaman staf FSR dalam memacu organisasi bagi mencapai matlamat dan KPI. **Rajah 5.3** menunjukkan sijil pengiktirafan oleh badan-badan profesional.

Dalam mengoptimakan kepakaran dan pengalaman sumber manusia, FSR sentiasa menyokong staf akademik untuk menjalankan kerja-kerja pengajaran, penyelidikan dan perundingan. Ini terbukti dengan bengkel/ program/ mesyuarat yang dilaksanakan oleh FSR sebagai usaha meningkatkan kompetensi dan memperluaskan misi serta objektif kualiti FSR kepada semua staf di FSR dalam menjayakan bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran.

**Jadual 5.8** menunjukkan senarai Bengkel/ Program/ Mesyuarat yang dilaksanakan di FSR yang tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai sebuah pusat tadbir urus yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, FSR komited dalam mengadakan kolaborasi bersama universiti awam dan swasta melalui persefahaman memorandum dan lawatan delegasi yang membuka peluang kerjasama dalam pelbagai aktiviti akademik. Selain itu, laman sesawang FSR dan laman facebook yang dibina mampu menyalurkan maklumat terkini mengenai program pengajian di FSR dan memberi ruang kepada para pelajar dan ibu bapa dalam mendapatkan info-info terkini dan memberi maklumbalas dalam membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Melalui aktiviti, program dan saluran media massa ini dapat menyokong teras fungsi fakulti iaitu pengajaran, penyelidikan dan khidmat profesional. **Rajah 5.4** menunjukkan aktiviti memorandum, lawatan delegasi, laman sesawang dan facebook FSR.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0047\\_S01\\_SB03\\_20231\\_Jadual 5.7.pdf](#)
2. [F0047\\_S01\\_SB03\\_20232\\_Rajah 5.2 - Pelantikan Profesor Adjung di Fakulti Sains Sukan, Universitas Negeri Malang, Indonesia dan ACPES.pdf](#)
3. [F0047\\_S01\\_SB03\\_20233\\_Rajah 5.3 - Sijil pengiktirafan badan profesional.pdf](#)
4. [F0047\\_S01\\_SB03\\_20234\\_Jadual 5.8 - Senarai bengkel,program, mesyuarat yang](#)

dilaksanakan di FSR yang tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran.

5. [F0047\\_S01\\_SB03\\_20235\\_Rajah 5.4.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSR sentiasa mengamal dan menerapkan budaya komunikasi yang berkesan dalam organisasi. Bagi menggalakkan keharmonian bekerja dan berkomunikasi, pendapat dan komen daripada staf pentadbiran dan akademik disalurkan samada melalui komunikasi dua hala secara terbuka, penggunaan email dan whatsapp. Pada masa sama warga fakulti juga boleh memberi maklum balas atau respon terhadap maklumat yang diberikan. Kaedah ini sangat berkesan dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan terkini dalam meningkatkan pencapaian pengajaran dan pembelajaran ke arah yang lebih cemerlang.

Dari aspek tahap kepuasan hati pelanggan, markah Happiness Index (HI) untuk keseluruhan FSR bagi tahun 2020 adalah **77%** berbanding pada tahun 2018 iaitu **68%**. Ini adalah berdasarkan Laporan Infografik UiTM Happiness index 3.0 menunjukkan peningkatan indeks kegembiraan FSR terhadap emosi positif, keterlibatan, hubungan makna, pencapaian dan infrastruktur. Kejayaan ini adalah kerana setiap aktiviti yang dirangka oleh FSR sentiasa memastikan keperluan dan memenuhi kepuasan hati warga fakulti seperti Program Team Building dan program-program yang digerakkan oleh Kelab Keluarga FSR. **Rajah 5.5** menunjukkan peratusan Happiness Indeks UHI 3.0.

